

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PAKATAN INTEGRITI
(INTEGRITY PACT) DALAM PEROLEHAN
LADANG RAK YAT TRENGGANU SDN BHD (LRTSB)
DAN KUMPULAN SYARIKATNYA**

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Perolehan merupakan satu bidang yang amat terdedah kepada perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Pegawai yang terlibat dengan perolehan sentiasa berdepan risiko terlibat dengan jenayah serius ini. Akibat rasuah, sesebuah organisasi / syarikat boleh mengalami kerugian jutaan ringgit apabila produk yang dihantar tidak mengikut spesifikasi serta tidak berfungsi dengan baik, harga terlalu mahal serta mempunyai kualiti yang rendah. Sekiranya melibatkan pembinaan, perbuatan rasuah mampu membahayakan nyawa manusia.
- 1.2 Pakatan Integriti menggalakkan operasi bebas rasuah dalam organisasi perolehan dan Penyedia Luarnya semasa pelaksanaan sesuatu perolehan. Ia menyumbang kepada manfaat lain seperti ketelusan yang lebih tinggi dalam pelaksanaan perolehan dan meningkatkan keyakinan serta kepercayaan orang ramai.
- 1.3 Pakatan Integriti merupakan satu proses pengisytiharan oleh pembida/orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak dan bagi mempercepatkan sesuatu urusan perolehan.
- 1.4 Penyedia Luar dan kakitangan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya akan menandatangani satu “pact” atau perjanjian untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dalam pelaksanaan sesuatu perolehan serta menggariskan tindakan-tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran “pact” atau perjanjian tersebut.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Garis panduan ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penggunanya tentang prosedur / tatacara melaksanakan Pakatan Integriti dalam perolehan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya . Ia menjelaskan pelbagai peringkat dalam proses perolehan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya di mana Pakatan Integriti perlu dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkaitan.
- 2.2 Objektif utama pelaksanaan Pakatan Integriti adalah untuk meningkatkan ketelusan dalam perolehan organisasi / syarikat yang dijangka akan mengurangkan dan membasmikan gejala rasuah.

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

- 2.3** Garis panduan ini juga dapat membantu dalam memastikan perolehan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya dilaksanakan dengan telus sepertimana berikut:
- (a) Mengelak Penyedia Luar daripada menawar atau memberi rasuah;
 - (b) Menghendaki Penyedia Luar melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada pihak berkuasa; dan
 - (c) Memastikan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya tidak menanggung “unnecessary costs” dalam pelaksanaan urusan perolehan.

3.0 TAKRIFAN

Takrif yang berikut terdapat dalam garis panduan ini.

LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya	LRTSB dan Organisasi Kawalannya.
Kakitangan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya	Semua individu yang mempunyai ikatan kontrak secara langsung dengan LRTSB dan Organisasi Kawalannya atas dasar pekerjaan termasuklah pekerja dan pengarah tetap dan sementara.
Pakatan Integriti	Perjanjian sah antara dua entiti (biasanya Pembeli dan Penyedia Luar) untuk bertindak mengikut set amalan yang dipersetujui bagi mengelakkan berlakunya rasuah semasa menjalankan aktiviti komersial mereka.
Penyedia Luar	Mana-mana orang atau perniagaan yang menyediakan (atau ingin menyediakan) produk atau perkhidmatan untuk LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya atau menjalankan perniagaan dengan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya dengan atau tanpa kontrak bertulis. Penyedia Luar ini termasuklah pembekal, vendor, kontraktor, perunding dan ejen.

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

Rasuah	<p>(i) Rasuah ditakrifkan sebagai apa-apa tindakan yang boleh dianggap sebagai kesalahan memberikan atau menerima ‘suapan’ di bawah Akta SPRM 2009.</p> <p>Dari segi amalannya, rasuah bermaksud menawarkan, memberikan, menerima atau meminta sesuatu yang bernilai dalam cubaan untuk mempengaruhi, secara tidak jujur, keputusan atau tindakan seseorang yang memegang jawatan beramanah dalam organisasi.</p> <p>‘Suapan’ ditakrifkan dalam Akta SPRM 2009 dengan maksud yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain; (b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat; (c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya; (d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskau, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan; (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
---------------	---

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

	<p>(f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan</p> <p>(g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).</p> <p>(ii) Rasuah ditakrifkan oleh The Transparency International sebagai “<i>Penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk kepentingan peribadi.</i>”</p> <p>Rasuah boleh bersifat ‘ke luar (outbound)’, apabila seseorang yang bertindak bagi pihak LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya cuba mempengaruhi tindakan seseorang di pihak luar seperti pegawai kerajaan atau pembuat keputusan di pihak klien.</p> <p>Rasuah juga boleh bersifat ‘ke dalam (inbound)’, apabila pihak luar cuba mempengaruhi seseorang dalam LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya seperti pembuat keputusan kanan atau seseorang yang mempunyai akses kepada maklumat sulit.</p>

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

4.0 SKOP

Garis panduan ini terpakai kepada LRTSB, Lembaga Pengarah dan Kakitangan LRTSB yang termasuk di bawah takrifan berserta Organisasi Kawalannya, Lembaga Pengarahnya dan Kakitangan.

5.0 PERINGKAT PELAKSANAAN PAKATAN INTEGRITI

- 5.1** Peringkat pelaksanaan Pakatan Integriti bagi kakitangan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya yang terlibat dalam perolehan – Lampiran I
- 5.2** Peringkat pelaksanaan Pakatan Integriti bagi Ahli Jawatankuasa berkaitan perolehan – Lampiran II
- 5.3** Peringkat pelaksanaan Pakatan Integriti bagi Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan – Lampiran III
- 5.4** Peringkat pelaksanaan Pakatan Integriti bagi pembida – Lampiran IV
- 5.5** Peringkat pelaksanaan Pakatan Integriti bagi perlantikan perunding – Lampiran V

6.0 SEMAKAN & PEMERIKSAAN

Unit Pentadbiran akan menjalankan semakan berkala bagi memastikan Pakatan Integriti ditandangani seperti yang ditetapkan dalam garis panduan ini.

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

7.0 PENUTUP

Pelaksanaan Pakatan Integriti ini juga diharap dapat meningkatkan kesedaran berkaitan kesalahan rasuah di kalangan kakitangan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya dan pihak-pihak yang berurusan dalam perolehan syarikat yang seterusnya dapat menghapuskan kesalahan-kesalahan rasuah yang biasa berlaku dalam perolehan antaranya seperti berikut:-

- i. Pemberian dan penerimaan suapan (kickback/bribery/corrupt) antara kakitangan badan awam dengan Penyedia Luar dalam pelbagai bentuk i.e. wang, hadiah, derma, diskau, bonus, pekerjaan dan sebagainya seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- ii. Penyalahgunaan kuasa yang melibatkan konflik kepentingan kakitangan badan awam berhubung pemilihan syarikat pembekal, perkhidmatan, pembinaan dan perunding di mana penjawat awam mempunyai kepentingan;
- iii. Tuntutan atau perakuan palsu melibatkan syarikat dan kakitangan badan awam;
- iv. Pemalsuan maklumat dokumen dan rekod untuk mengaburi penilaian perolehan; dan
- v. Persubahatan antara kakitangan badan awam dan Penyedia Luar.

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

LAMPIRAN I

PERINGKAT PELAKSANAAN PAKATAN INTEGRITI BAGI KAKITANGAN LRTSB DAN KUMPULAN SYARIKATNYA YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN

Peringkat 1

Semasa Melapor Diri Untuk Bertugas

Peringkat 2

Pengisytiharan Setiap Tahun

PROSES KERJA INTEGRITY PACT BAGI KAKITANGAN LRTSB DAN KUMPULAN SYARIKATNYA YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN

PERINGKAT	PROSES KERJA
1	<p>Setiap kakitangan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses perolehan hendaklah menandatangani Surat Akuan Oleh Kakitangan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya Yang Terlibat Dalam Perolehan seperti di LAMPIRAN A. Akuan ini hendaklah dibuat apabila kakitangan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya melaporkan diri atau mula melaksanakan tugas. Surat akuan tersebut hendaklah disimpan di dalam fail peribadi kakitangan.</p> <p>Setiap Ketua Unit/ Bahagian hendaklah memastikan semua kakitangannya menandatangani Surat Akuan Oleh Kakitangan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya Yang Terlibat Dalam Perolehan sebelum memulakan tugas atau terlibat dalam sebarang urusan perolehan.</p>
2	<p>Setiap Ketua Unit/ Bahagian hendaklah memastikan semua kakitangannya memperbaharui Akuan mereka setiap tahun.</p>

- * Kakitangan Kumpulan yang terlibat dalam perolehan merujuk kepada setiap kakitangan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya.

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

SURAT AKUAN OLEH KAKITANGAN LRTSB DAN KUMPULAN SYARIKATNYA YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN

Saya _____
 No. Kad Pengenalan _____ adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisyiharkan bahawa:

1. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perolehan;
2. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjaskan ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses perolehan dan semasa tempoh pelaksanaan kontrak;
3. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
4. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan kepada mana-mana pihak selaras dengan peraturan kerahsiaan syarikat;
5. Saya akan mengisyiharkan dengan segera kepada Ketua Eksekutif LRTSB sekiranya terdapat mana-mana anggota atau keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya; dan
6. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan Tatakelakuan dan Kod Etika Perniagaan LRTSB serta polisi, prosedur dan garis panduan yang terpakai pada setiap masa.

Tandatangan : _____
 Nama : _____
 No.K/Pengenalan : _____
 Jawatan : _____
 Tarikh : _____

Disaksikan oleh Ketua Eksekutif LRTSB

Tandatangan : _____
 Nama : _____
 Jawatan : _____
 Tarikh : _____

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

LAMPIRAN II

PERINGKAT PELAKSANAAN INTEGRITY PACT BAGI AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN

Peringkat 1

Semasa pelantikan sebagai Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan

Peringkat 2

Apabila selesai sesuatu tugas

PROSES KERJA PELAKSANAAN INTEGRITY PACT BAGI AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN

PERINGKAT	PROSES KERJA
1	Setiap individu yang dilantik kepada mana-mana Jawatankuasa Berkaitan Perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan seperti di LAMPIRAN B . Sesalinan akuan tersebut akan disimpan oleh Urus Setia di dalam fail berkaitan.
2	Setiap Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Berkaitan Perolehan setelah menamatkan tugas di LAMPIRAN C . Akuan ini hendaklah dikepilkan bersama laporan berkaitan dan difailkan.

* Jawatankuasa berkaitan perolehan adalah seperti berikut;

- a) Jawatankuasa Spesifikasi
- b) Jawatankuasa Pembuka Tender /Sebut Harga
- c) Jawatankuasa Penilaian- Teknikal dan/atau Kewangan
- d) Jawatankuasa Rundingan Harga
- e) Lain-lain Jawatankuasa berkaitan perolehan

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

**SURAT AKUAN PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA SPESIFIKASI/ PEMBUKA
TENDER & SEBUT HARGA/ PENILAIAN/ RUNDINGAN HARGA/ LAIN-LAIN
JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN**

Saya _____
 No. Kad Pengenalan _____ adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisyiharkan bahawa:

7. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam tender/sebut harga LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya;
8. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjelaskan ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses perolehan;
9. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
10. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan kepada mana-mana pihak selaras dengan peraturan kerahsiaan syarikat;
11. Saya dengan ini mengisyiharkan bahawa tiada mana-mana anggota atau ahli keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya:dan
12. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan Tatakelakuan dan Kod Etika LRTSB serta polisi, prosedur dan garis panduan yang terpakai pada setiap masa.

Tandatangan : _____
 Nama : _____
 No.K/Pengenalan : _____
 Jawatan : _____
 Tarikh : _____

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

**SURAT AKUAN SELESAI TUGAS AHLI JAWATANKUASA SPESIFIKASI/
PEMBUKA TENDER & SEBUT HARGA/ PENILAIAN/ RUNDINGAN HARGA/ LAIN-
LAIN JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN**

Saya _____
No. Kad Pengenalan _____ dari _____

adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisyitiharkan bahawa:

1. Saya telah melaksanakan tugas sebagai ahli Jawatankuasa Spesifikasi/ Pembuka Tender & sebut Harga/ Penilaian/ Rundingan Harga/ Lain-lain Jawatankuasa Berkaitan Perolehan (Nama JK: _____ Tajuk Tender/ Sebut Harga _____

tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];

2. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;

3. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan peraturan kerahsiaan syarikat; dan

4. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan Tatakelakuan dan Kod Etika LRTSB serta polisi, prosedur dan garis panduan yang terpakai pada setiap masa.

Tandatangan : _____

Nama : ...

No.K/Pengenalan : _____

Jawatan : -

Tarikh :

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

LAMPIRAN III

PERINGKAT PELAKSANAAN INTEGRITY PACT BAGI AHLI LEMBAGA/ JAWATANKUASA PEROLEHAN

Peringkat 1 Semasa pelantikan sebagai Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan

Peringkat 2 Setiap kali Mesyuarat Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan bersidang

PROSES KERJA PELAKSANAAN INTEGRITY PACT BAGI AHLI LEMBAGA/ JAWATANKUASAPEROLEHAN

PERINGKAT	PROSES KERJA
1	Setiap individu yang dilantik sebagai Ahli/ Ahli Ganti Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan hendaklah menandatangani Surat Akuan Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan seperti di LAMPIRAN D . Sesalinan Surat Akuan hendaklah disimpan oleh Urus Setia Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan.
2	Setiap Ahli/ Ahli Ganti Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan hendaklah menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan seperti di LAMPIRAN E pada setiap mesyuarat setelah selesai melaksanakan tugas. Sesalinan Surat Akuan hendaklah disimpan oleh Urus Setia Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan.

* Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan merujuk kepada:

- a) Jawatankuasa Perolehan/Tender Badan Berkanun
- b) Jawatankuasa Sebut Harga
- c) Jawatankuasa Projek Sakit
- d) Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja/ Tuntutan
- e) Jawatankuasa Penyelarasian Harga
- f) Lain-lain lembaga/ jawatankuasa seumpamanya

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

SURAT AKUAN AHLI LEMBAGA TENDER/ JAWATANKUASA SEBUT HARGA

Saya

No. kad pengenalan _____ dari _____

adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisyiharkan bahawa:

1. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tanggungjawab saya sebagai Ahli Lembaga Tender LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya / Jawatankuasa sebutharga LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya ;
2. Saya tidak akan bersubahat atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam melaksanakan tanggungjawab saya;
3. Saya akan mengisyiharkan apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak secara bertulis dan akan menarik diri daripada membuat sebarang keputusan;
4. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
5. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan syarikat selaras dengan Peraturan Tatakelakuan dan Kod Etika Perniagaan LRTSB serta polisi, prosedur dan garis panduan yang terpakai pada setiap masa.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. K/Pengenalan : _____

Bahagian/ Unit : _____

Tarikh : _____

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

**SURAT AKUAN SELESAI TUGAS AHLI LEMBAGA TENDER/ JAWATANKUASA
SEBUT HARGA**

Saya

No. kad pengenalan _____ dari _____

adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisyiharkan bahawa:

1. Saya telah melaksanakan tugas sebagai ahli Lembaga Tender LRTSB/ Jawatankuasa Sebut harga LRTSB, Tajuk Tender/ Sebut Harga: _____

Tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanja Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];

2. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perlehan yang dikendalikan oleh saya;
3. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan peraturan kerahsiaan syarikat;
4. Saya sesunguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan Tatakelakuan dan Kod Etika Perniagaan LRTSB serta polisi, prosedur dan garis panduan yang terpakai pada setiap masa.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. K/Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Bahagian/ Unit : _____

Tarikh : _____

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

LAMPIRAN IV

PERINGKAT PELAKSANAAN INTEGRITY PACT BAGI PEMBIDA

Peringkat 1	Semasa pengeluaran Surat Setuju Terima kepada pembida Berjaya
Peringkat 2	Apabila Surat Setuju Terima ditandatangani dan dikembalikan oleh pembida berjaya
Peringkat 3	Apabila perjanjian perolehan ditandatangani oleh pembida berjaya dan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya

PROSES KERJA PELAKSANAAN INTEGRITY PACT BAGI PEMBIDA

PERINGKAT	PROSES KERJA
1	Apabila mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada pembida yang Berjaya, Unit Perolehan LRTSB hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya disertakan bersama Surat Setuju Terima. Sesalinan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di LAMPIRAN IV
2	Pembida Berjaya hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkkan bersama Surat Setuju Terima dan dikembalikan kepada LRTSB.
3	Unit Perolehan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah seperti di LAMPIRAN IV dimasukkan dalam semua dokumen kontrak.

Pembida merujuk kepada:

- a) Petender
- b) Penyebut Harga

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Tajuk Tender /Sebut Harga dan Nombor Rujukan Tender/Sebut Harga: _____

Saya

No, kad pengenalan _____ yang mewakili _____ No.Pendaftaran_____

Dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender / sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- a) Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas atau
- b) Penamatkan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- c) Lain-lain tindakan tatatertib mengikut Kod Etika Perniagaan (COBE) serta polisi, prosedur dan garis panduan yang terpakai pada setiap masa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanja Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. K/Pengenalan : _____

Cop Syarikat : _____

Catatan:

- i. *potong mana yang tidak berkenaan
- ii. Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN

- a) Without prejudice to any other rights of LRTSB, if the [company/Firm], its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this [Agreement/Contract] or any other agreement that the [Company/Firm] may have with LRTSB, LRTSB shall be entitled to terminate this [Agreement/Contract] at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company/Firm].
- b) Upon such termination, LRTSB shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by LRTSB arising from such termination.
- c) For the avoidance of doubt, the parties hereby agree that the [Company/Firm] shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this [Agreement/Contract].

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

LAMPIRAN V

PERINGKAT PELAKSANAAN INTEGRITY PACT BAGI PERLANTIKAN PERUNDING

Peringkat 1

Semasa pengeluaran Surat Setuju Terima

PROSES KERJA PELAKSANAAN INTEGRITY PACT BAGI PELANTIKAN PERUNDING

PERINGKAT	PROSES KERJA
1	Unit Perolehan hendaklah memastikan Surat Akuan Perunding Yang Dilantik disertakan bersama Surat Setuju Terima yang dikeluarkan kepada Perunding. Surat Akuan Perunding Yang Dilantik seperti di LAMPIRAN V
2	Bahagian Perolehan LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah seperti di LAMPIRAN V dimasukkan dalam semua dokumen kontrak perunding.
3	Setiap perunding yang dilantik hendaklah menandatangani dokumen kontrak perunding yang mengandungi Klausa Pencegahan Rasuah.

	POLISI PAKATAN INTEGRITI
No. Dokumen	LRT/IGU/0121/PI(1.0)
Tarikh Berkuatkuasa	11 JANUARI 2021
Tarikh Semakan	N/A

SURAT AKUAN PERUNDING YANG DILANTIK
(Disertakan Bersama Surat Setuju Terima)

Saya

No. Kad Pengenalan _____ selaku
 Pemilik

 _____ No. Pendaftaran

dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah / sogokan kepada mana-mana individu dalam LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapat tawaran pelantikan perunding. Saya juga tidak akan memberi / menawarkan rasuah sepanjang tempoh dan selepas pelaksanaan untuk apa jua tujuan sekali pun yang berkaitan dengan perolehan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili firma ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya atau mana-mana individu lain secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam perolehan ini, maka saya sebagai pemilik firma seperti di atas bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:
 - a) Penarikan balik Surat Setuju Terima; atau
 - b) Penamatan kontrak bagi perkhidmatan perunding selaras dengan peruntukan dalam kontrak; dan
 - c) Lain-lain tindakan tatatertib mengikut Kod Etika Perniagaan (COBE) serta polisi, prosedur dan garis panduan yang terpakai pada setiap masa.
3. Sekiranya didapati ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak , saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah.

Yang benar,

Tandatangan : _____
 Nama : _____
 No. K/Pengenalan : _____
 Cop Syarikat : _____